

# TELDAY TABLETS

Telmisartan (40mg , 80mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan TELDAY
2. Bagaimana TELDAY berfungsi
3. Sebelum menggunakan TELDAY
4. Cara menggunakan TELDAY
5. Semasa menggunakan TELDAY
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan TELDAY
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan TELDAY

TELDAY mengandungi *Telmisartan*. Ia digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi *essential*. '*Essential*' bermaksud tekanan darah tinggi yang tidak disebabkan oleh keadaan lain.

Ubat ini juga digunakan untuk mengurangkan kejadian kardiovaskular (iaitu serangan jantung atau angin ahmar) dalam kalangan orang dewasa yang berisiko kerana mereka mempunyai bekalan darah yang berkurang atau tersumbat ke jantung atau kaki, atau mengalami angin ahmar atau mempunyai berisiko tinggi untuk mempunyai penyakit kencing manis. Doktor anda boleh memberitahu anda jika anda menghadapi risiko tinggi untuk kejadian tersebut.

## Bagaimana TELDAY berfungsi

*Telmisartan* tergolong dalam kelas ubat-ubatan yang dikenali sebagai *angiotensin II receptor antagonists*. *Angiotensin II* adalah bahan yang dihasilkan dalam tubuh anda, yang menyebabkan saluran darah anda sempit, sehingga meningkatkan tekanan darah anda. *Telmisartan* menghalang kesan *angiotensin II* supaya saluran darah menjadi tenang, dan tekanan darah anda diturunkan.

## Sebelum menggunakan TELDAY

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah (hipersensitif) kepada *Telmisartan* atau apa-apa bahan lain yang termasuk dalam tablet TELDAY.

Sekiranya anda mengandungi lebih daripada 3 bulan.

Jika anda mengalami masalah hati yang teruk seperti *cholestasis* atau *biliary obstruction* (masalah dengan saluran

hempedu dari hati dan pundi hempedu) atau mana-mana penyakit hati yang lain yang teruk.

### *Mengandung dan menyusukan anak*

Jangan ambil TELDAY jika anda mengandung, cuba untuk mengandung atau fikir anda mungkin mengandung. TELDAY tidak disarankan pada kehamilan awal, dan tidak boleh diambil jika anda hamil lebih dari 3 bulan, kerana ia boleh menyebabkan bahaya yang serius pada bayi anda jika digunakan pada tahap itu.

Jangan ambil TELDAY jika anda merupakan seorang ibu yang menyusukan bayi. TELDAY tidak disarankan untuk ibu-ibu yang sedang menyusu, dan doktor anda boleh memilih rawatan lain untuk anda jika anda ingin menyusukan bayi anda, terutamanya jika bayi anda baru lahir, atau bayi pra-matang.

### - Sebelum menggunakan TELDAY

Sila beritahu doktor anda jika anda menderita atau pernah mengalami apa-apa keadaan atau penyakit yang berikut:

- Penyakit buah pinggang atau pemindahan buah pinggang.
- *Renal artery stenosis* (penyempitan saluran darah ke satu atau kedua-dua buah pinggang).
- Penyakit hati.
- Masalah jantung.
- Tahap aldosteron yang meningkat (pengumpulan air dan garam dalam badan bersama-sama dengan ketidakseimbangan pelbagai mineral darah).
- Tekanan darah rendah, mungkin berlaku jika anda mengalami dehidrasi (kehilangan air dalam badan yang berlebihan) atau kekurangan garam kerana terapi diuretik ('tablet air'), diet rendah garam, cirit-birit, atau muntah.
- Meningkatkan paras *potassium* dalam darah anda.
- Kencing manis.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Doktor anda mungkin perlu mengubah dos ubat-ubatan lain atau mengambil langkah berjaga-jaga yang lain. Dalam sesetengah kes, anda mungkin terpaksa berhenti mengambil salah satu ubat terutamanya kepada ubat-ubatan yang disenaraikan di bawah yang diambil pada masa yang sama dengan TELDAY:

- Ubat-ubatan yang mengandungi lithium yang digunakan untuk merawat beberapa jenis kemurungan.
- Ubat yang boleh meningkatkan paras *potassium* darah seperti:
  - Pengganti garam yang mengandungi *potassium*, diuretik *potassium* (beberapa 'tablet air').
  - Perencat ACE.
  - *Angiotensin II receptor antagonists*.
  - *NSAIDS* (ubat anti-radang bukan steroid, contohnya *aspirin* atau *ibuprofen*).
  - *Heparin*.
  - Imunosupresif (*cyclosporin* atau *tacrolimus*).
  - Antibiotik *trimethoprim*.
- Diuretik ('tablet air'), terutamanya jika diambil dengan dos yang tinggi bersama-sama dengan TELDAY, boleh mengakibatkan kehilangan air dari tubuh yang berlebihan dan tekanan darah rendah.
- Seperti ubat untuk menurunkan tekanan darah yang lain, kesan TELDAY boleh dikurangkan jika anda mengambil NSAID (ubat anti-radang bukan steroid, contohnya *aspirin* atau *ibuprofen*) atau *corticosteroids*.
- TELDAY boleh meningkatkan kesan penurunan tekanan darah ubat-ubatan lain yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.

## Cara menggunakan TELDAY

### - Berapa banyak harus digunakan

- Sentiasa mengambil TELDAY seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda boleh semak dengan doktor atau ahli farmasi and ajika anda berasa kurang pasti.

# TELDAY TABLETS

Telmisartan (40mg , 80mg)

- **Tekanan darah tinggi:**
  - Dos biasa TELDAY untuk kebanyakan pesakit adalah satu tablet 40 mg diambil sekali sehari untuk mengawal tekanan darah selama tempoh 24 jam. Walau bagaimanapun, kadang-kadang doktor anda boleh mencadangkan dos yang lebih rendah sebanyak 20 mg atau dos yang lebih tinggi sebanyak 80 mg.
  - Sebagai alternatif, TELDAY boleh digunakan bersama dengan diuretik ('tablet air') seperti *hydrochlorothiazide*, yang telah ditunjukkan untuk mempunyai kesan penurunan tekanan darah tambahan dengan TELDAY.
- **Pencegahan kardiovaskular:**
  - Dos yang disarankan adalah 80 mg sekali sehari.

## - Bila perlu digunakan

Ianya mesti diambil secara oral, ditelan dengan air dan boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

- Cuba ambil tablet pada waktu yang sama setiap hari.
- Anda boleh mengambil TELDAY selepas atau sebelum makan.
- Tablet perlu ditelan dengan air atau minuman tanpa alkohol.

## - Berapa lama perlu digunakan

Adalah penting untuk anda mengambil TELDAY pada setiap hari sehingga doktor memberitahu anda sebaliknya. Jika anda berasa kesan TELDAY terlalu kuat atau terlalu lemah bagi anda, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

## - Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa mengambil dos ubat anda, jangan risau. Sila ambil dos tersebut sebaik sahaja anda mengingatnya kemudian teruskan seperti sedia kala. Sekiranya anda tidak mengambil tablet anda pada satu hari, sila ambil dos biasa pada hari berikutnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos individu yang terlupa.

## - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil terlalu banyak tablet secara tidak sengaja, sila hubungi

doktor, ahli farmasi atau pergi ke jabatan kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

## **Semasa menggunakan TELDAY**

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil TELDAY pada waktu yang sama setiap hari.
- Ambil ubat anda tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan pegawai farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil TELDAY.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menagndung semasa mengambil ubat ini.
- Beritahu doktor anda jika anda merupakan seorang ibu yang menyusukan bayi atau anda hendak mula menyusukan bayi.
- Dalam kes pembedahan atau bius, anda perlu memberitahu doktor anda yang anda sedang menggunakan TELDAY.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil apa-apa ubat-ubatan baru tanpa berunding dengan doktor anda.
- Jangan berikan TELDAY kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

*Memandu dan menggunakan mesin*  
Seengah orang boleh berasa pening atau penat semasa menggunakan TELDAY. Jika anda berasa pening atau penat, jangan memandu atau menggunakan mesin.

### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan yang lain, TELDAY boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan TELDAY yang mungkin berlaku:

- *Sepsis* (sering disebut "keracunan darah", adalah jangkitan teruk dengan tindak balas keradangan pada seluruh badan), pembengkakan kulit dan mukosa (*angioedema*) yang cepat. Kesan sampingan ini jarang berlaku tetapi sangat serius dan pesakit harus berhenti mengambil ubat ini dan segera berjumpa dengan doktor. Jika kesan-kesan ini tidak dirawat, ianya boleh membawa maut.
- Jangkitan saluran kencing (termasuklah *cystitis* (keradangan pundi)).
- Jangkitan saluran pernafasan atas termasuklah *pharyngitis* (keradangan pada bahagian belakang tekak) dan jangkitan resdung.
- *Anaemia* (kekurangan sel darah merah dalam darah), *eosinophilia* (kandungan *eosinophils* banyak dalam darah), *thrombocytopenia* (kekurangan jumlah *platelet* darah).
- Reaksi alahan, hipersensitiviti.
- *Hyperkalaemia* (kandungan *potassium* dalam darah tinggi).
- *Hypoglycaemia* (kandungan gula dalam darah rendah).
- Kegelisahan.
- *Insomnia* (difficult to sleep).
- Kemurungan.
- Penganan.
- Malas.
- Gangguan penglihatan.
- *Vertigo* (sensasi pening yang berpusing-pusing).
- *Bradycardia* (kadar jantung berdegup terlalu perlahan).
- *Tachycardia* (kadar jantung berdegup terlalu laju).
- Tekanan darah rendah, tekanan darah postural (berlaku apabila tekanan darah jatuh mendadak apabila seseorang itu berdiri secara tiba-tiba dari posisi baring atau duduk).
- *Dyspnoea* (susah bernafas), batuk, penyakit paru-paru.
- Sakit perut, cirit-birit, mulut kering, *dyspepsia* (ketidakhadaman), angin, perut berasa tidak selesa, muntah.
- Fungsi paru-paru tidak normal atau gangguan paru-paru.
- *Angioedema* (bengkak yang disebabkan oleh pengumpulan cecair pada lapisan dalam kulit yang biasanya berdekatan dengan

# TELDAY TABLETS

Telmisartan (40mg , 80mg)

mata, mulut, tangan dan kaki).

Angioedema boleh menyebabkan kematian. *Eczema, erythema* (kulit merah-merah), pruritus (kulit gatal yang teruk), peluh berlebihan, hives (kulit timbul yang gatal), letusan dadah, letusan kulit toksik, ruam.

- Sakit sendi, sakit belakang, Joint pain, back pain, kekejangan otot, sakit di bahagian hujung badan, sakit otot sakit tendon.
- Keradangan buah pinggang termasuk kegagalan buah pinggang akut.
- Sakit dada, penyakit seperti influenza, asthenia (lemah).

Senarai ini bukanlah semua kesan sampingan TELDAY. Untuk senarai kesan sampingan yang lengkap, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika sebarang kesan sampingan menjadi semakin serius, atau jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web <http://npra.moh.gov.my> (Orang Awam → Laporan Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)).

## Cara penyimpanan dan pelupusan TELDAY

### - Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada kelembapan.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

#### TELDAY TABLETS 40 MG:

Tablet tidak besalut, berwarna putih atau putih pudar ke kekuningan, berbentuk bujur panjang, dwicembung dengan garis patah pada satu belah dan datar pada satu belah yang lain.

#### TELDAY TABLETS 80 MG:

Tablet tidak besalut, berwarna putih atau putih pudar ke kekuningan, berbentuk bujur, dwicembung dengan garis patah pada satu belah dan datar pada satu belah yang lain.

### - Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- *Telmisartan.*

Bahan-bahan tidak aktif:

- *Mannitol.*
- *Sodium Hydroxide.*
- *Meglumine.*
- *Povidone.*
- *Sodium Stearyl Fumarate.*

### - Nombor-nombor MAL:

#### TELDAY TABLETS 40 MG:

MAL\*\*\*\*\*

#### TELDAY TABLETS 80 MG:

MAL\*\*\*\*\*

## Pengilang

Torrent Pharmaceuticals Ltd. - Indrad Plant  
Near Indrad Village, Taluka-Kadi,  
District Mehsana Gujarat 382721  
INDIA.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Laboratories Torrent (Malaysia) Sdn Bhd.  
Suite E-08-08 Plaza Mont Kiara,  
No. 2 Jalan Kiara Mont Kiara,  
50480 Kuala Lumpur,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

09/04/2018

## Nombor Siri

NPRA(RX/x)xxxxxx/xxxxx